



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PAK NGAH SEBAGAI PENCIPTA LAGU-LAGU  
YANG MEMPUNYAI RASA TRADISIONAL**

**NORASHIDALAILA BINTI MOHD GANI  
2005664956**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI MUZIK PERSEMPBAHAN  
(KEPUJIAN)  
FAKULTI MUZIK**

**NOVEMBER 2007**

**FAKULTI MUZIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM, SELANGOR**

**SESI 2007  
DENGAN INI MENGESAHKAN**

**PELAJAR : NORASHIDALAILA MOHD GANI  
NOMBOR KAD PELAJAR : 2005664956**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH  
JAWATANKUASA YANG DILANTIK OLEH  
FAKULTI MUZIK, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
SHAH ALAM.**

**DAN MENERIMA HASIL KERJAINI PADA**

**.....  
DI HADAPAN  
PENYELIA : PROF. MADYA KHAIRIL JOHARI JOHAR**

**.....  
TANDATANGAN**

**DEKAN**

**.....  
TANDATANGAN**

## **ABSTRAK**

Pada ada hakikatnya muzik tradisional mampu untuk bersaing dengan muzik lain. Apa yang telah dibuktikan oleh komposer Pak Ngah, beliau berjaya membawa muziknya keluar dari kepompong lama justeru mengambil ruang yang lebih besar untuk menaikkan taraf khazanah muzik tradisional sama ada dari hasil karya beliau mahupun dari hasil karya komposer tanah air. Kini muzik dan lagu-lagu beliau mendapat perhatian banyak pihak untuk mengadakan pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan dari dalam dan luar negeri.

Kajian ini merupakan sumber inspirasi yang tidak ternilai bagi diri penulis yang bertungkus lumus dalam mencari ilmu untuk melengkapkan kajian ini malah dengan adanya kajian ini penulis dapat memperluaskan lagi ilmu didada sebagai pengetahuan ilmu yang banyak.

Penulis hanya bersumberkan lampiran akhbar, sesi temuramah dan internet serta buku mengenai muzik tradisional. Tujuan penulis agar dapat mengetahui sejauh mana komposer ini mencebur ke bidang seni dan sebagai menghargai jasa-jasa beliau sebagai komposer yang memartabatkan muzik tradisional yang dijadikan kepada *fusion* tradisional.

Oleh itu penulis berminat untuk memilih tajuk tesis iaitu Pak Ngah sebagai pencipta lagu-lagu yang mempunyai rasa tradisional. Ia ternyata memberikan banyak sumber iaitu dari kisah awal kehidupan dan jatuh bangun beliau sehingga menjadi komposer yang berjaya.

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>PENGESAHAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1-5
1.1 Tujuan dan Objektif Kajian	6-7
1.2 Skop Kajian	7
1.3 Kaedah Kajian	7-8
1.4 Organisasi Bab	8-9
<b>BAB 2 TINJAUAN SASTERA</b>	
2.0 Komposer Pak Ngah	10-11
2.1 Sejarah kehidupan Pak Ngah	11-13
2.2 Pendidikan Dan Pengalaman Pak Ngah Sebagai Pemuzik	14-15
2.3 Penglibatan Pak Ngah Sepanjang Bergelar Komposer	16
2.4 Pengiktirafan dan Anugerah	17
2.5 Ulasan Terhadap Beberapa Komposer	18-20
<b>BAB 3 HASIL-HASIL KARYA DAN KERJAYA</b>	
3.1 Karya Dari Ilham Pak Ngah	21-21
3.1.1 Mengenali Hasil Karya pak Ngah	22-23
3.1.1.1 Album Cindai	23-24
3.1.1.2 Album Seri Balas	24-25

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Dalam kita terlalu leka memperkatakan tentang 'hebatnya pukulan'Muzik moden pada hari ini, tak siapa yang sedar betapa irama kita seakan kian dilupakan. Ia merupakan irama jazz, hip hop dan pop yang kian mewarnai dunia muzik negara, irama tradisional, irama klasik, lagu-lagu asli Melayu seakan tenggelam bersama publisiti yang kian malap. Bukan sahaja kerana lengkok dan iramanya yang sukar dilagukan, dendangan lagu-lagunya juga menuntut teknik kawalan suara dan pernafasan yang bukan calang-calang dan sukar untuk dijadikan halwa telinga masyarakat Malaysia. Sebagai irama awal yang bertapak di Tanah Melayu, ianya perlu dijaga dan dihargai.

Ramai di kalangan golongan masyarakat tempatan mahupun dalam industri hiburan tanah air yang kini tidak mengambil kira betapa pentingnya memelihara, mengembang dan mempopularkan lagu-lagu tradisi kita di kalangan generasi muda negara. Pengaruh muzik masa kini iaitu pengaruh dari muzik Barat yang bermula pada pertengahan kurun ke-20 turut menjelaskan perkembangan seni muzik tradisional kita. Ini sangat ketara apabila kemajuan dalam bidang elektronik yang telah menghasilkan piring hitam jenis Long Play(LP), Extended Play (EP), kaset odio dan video, CakeraPadat (CD) dan Cakera Padat Video(VCD) mula di pasarkan dengan harga murah<sup>1</sup>. Sesiapa sahaja, pada bila-bila masa boleh memiliki rakaman lagu-lagu yang diminati tidak kira lagu jenis apa. Sementara itu kemasukan alat-alat muzik yang

---

<sup>1</sup> Ariff Ahmad. (2001) Seni Muzik Keroncong (2001).

Shah Alam : Perpustakaan Negara Malaysia